

# PRU13: Dakwat kekal dibenar syarak

Oleh NORLIZA ABD. RAHMAN

pengarang@utusan.com.my

**PUTRAJAYA** 11 Jan. - Muza-

karah Majlis Fatwa Kebangsaan hari ini memutuskan penggunaan dakwat kekal silver nitrat yang bakal dikuatkuasakan pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) dibenarkan syarak kerana telap air dan tidak memudaratkan kesihatan.

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin (**gambar**)

berkata, keputusan itu dibuat selepas mengambil kira pandangan pakar Jabatan Kimia, Kementerian Kesihatan dan pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

“Muzakarah bersejua memutuskan bahawa dakwat kekal ini tidak mengandungi bahan-bahan najis yang diharuskan syarak dan tidak mendatangkan mudarat kepada kesihatan dan te-



lapertinya tidak menghalang air untuk sampai ke kulit apabila digunakan.

“Oleh itu penggunaan dakwat kekal ini dibenarkan syarak kerana tidak menimbulkan masalah kepada umat Islam dalam ibadat mereka,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Majlis Fatwa Kebangsaan di sini, hari ini.

Hadir sama Setiausaha SPR, Datuk Kamaruddin Mohamed Baria.

Dr. Abdul Shukor berkata, ahli majlis yang turut dianggotai semua mufti masih berpegang kepada keputusan bahawa tahap ketelapan dakwat kekal itu tertakluk kepada bahan-bahan sama yang telah diuji oleh pakar.

Beliau berkata, jika dakwat lain selain daripada silver nitrat bakal digunakan dalam PRU-13 ini, ujian lain perlu dilakukan bagi menentukan bahan-bahan yang terdandung di dalamnya.

Pada PRU 2008, SPR pernah bercadang menggunakan dakwat kekal ini tetapi dibatalkan ekoran timbul laporan dakwat terbabit diseludup dari Thailand menyebabkan dakwat dengan kos RM2.4 juta itu dilupuskan pada 25 November 2009.

Perseetujuan menggunakan dakwat kekal atau *indelible ink* oleh SPR bukan bermakna PRU terdahulu tidak telus sebaliknya untuk menghapuskan persepsi pembangkang kononnya pilihan raya yang dijalankan tidak telus.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (PSC) Datuk Seri Dr Mximus Ongkili menyambut baik keputusan itu.

“Berikutan keputusan itu, SPR kini boleh meneruskan dengan perseediaan menggunakan dakwat kekal semasa PRU Ke-13 nanti.

“Ini termasuk meminda peraturan pilihan raya, melatih pegawai berhubung aplikasi dakwat dan memperoleh dakwat kekal itu,” katanya kepada *Bernama*.